

**DRAF TEKS UCAPAN  
Y.BHG. BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA  
DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
SEMPENA  
SENAMROBIK MINGGU SUAI MESRA SESI 2010/2011  
PADA  
08 JULAI 2010 (KHAMIS)  
JAM 8.15 MALAM  
BERTEMPAT DI  
STADIUM UMS**

## **SALUTATION**

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS

Y.Bhg. Prof. Dr. Amran Ahmed  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Dr. Rosnah Ismail  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Brs. En. Abdullah Hj. Mohd. Said  
Pendaftar UMS

Tn. Hj. Rizal Othman  
Bendahari UMS

Pn. Dayang Rukiah Ag. Amit  
Ketua Pustakawan

Prof. Madya Dr. Mahmud Sudin  
Dekan, Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa  
Merangkap Ketua Pengarah Minggu Suai Mesra Sesi 2010/2011

Pegawai – Pegawai Utama UMS

Dekan – Dekan / Pengarah-pengarah Pusat / Ketua-ketua Jabatan / Ketua-ketua Unit UMS

Sdra. Mohd. Faezan Hamidun  
Presiden Majlis Perwakilan Pelajar beserta Barisan Kepimpinan MPP

Sdra. Khalil Sabu  
Ketua Pengarah Pembimbing Suai Mesra

Mahasiswa baharu yang dikasihi sekalian

**Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan perkenanNya maka kita dapat bersama-sama pada malam ini bagi melaksanakan salah satu pengisian dalam Minggu Suai Mesra pada kali ini iaitu Senamrobik bersama-sama. Pengisian ini amat bermakna dalam usaha melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pada malam ini, saudara dan saudari tidak lagi duduk dalam dewan yang besar, indah dan berhawa dingin tetapi sebaliknya berada di kawasan yang luas terbentang untuk kita bersama-sama menggerakkan tulang empat kerat kita agar lebih sihat dan cergas.

Saudara dan saudari sekalian.

Kita seharusnya sedar dan peka terhadap kepentingan bersukan. Ini kerana sukan amat berkait rapat terhadap kesihatan tubuh badan kita dan kebolehan minda kita untuk berfikir dengan waras dan rasional. Amalan bersukan dapat memastikan perjalanan darah dalam tubuh badan lebih lancar selain memberikan kelebihan mental dan fizikal yang cergas. Kita juga seharusnya memastikan badan kita berada dalam keadaan yang sihat agar otak kita terus cergas dan cerdas agar saudara dan saudari sekalian dapat mengikuti sesi pembelajaran sepanjang berada di UMS ini dengan lebih sempurna. Kita sentiasa memerlukan minda yang cerdas dalam membuat keputusan dan ini hanya akan diperolehi melalui amalan bersukan. Semangat kesukanan yang kukuh dan kental, semangat juang yang tidak mudah mengalah dan sebagainya turut menjadi faktor penentu dalam kita meneroka sesuatu kejayaan.

Selain membantu memberi kesihatan kepada tubuh badan, amalan bersukan ini juga dapat mengukuhkan keharmonian dan perpaduan yang sedia wujud di UMS ini. Sukan, olahraga dan rekreasi juga merentasi halangan kaum, bangsa, agama, budaya dan juga bahasa. Ianya mampu menyatukan setiap kelompok masyarakat yang berbeza dengan Satu wadah kesukanan. Melalui amalan bersukan inilah kita dapat membangunkan sebuah masyarakat yang berdisiplin dan berdaya saing bagi menjayakan misi universiti dan visi negara.

Oleh itu, saya mengharapkan agar bersukan ini menjadi amalan hidup bagi semua warga UMS termasuklah warga baharu kita yang baru sahaja bergelar mahasiswa UMS.

Saudara dan saudari.

Aktiviti Senamrobik yang diadakan pada malam ini di Stadium UMS sebenarnya memberi ruang kepada semua mahasiswa baharu untuk melihat sendiri dan menggunakan kemudahan yang disediakan. Semua kemudahan ini boleh digunakan secara percuma dan terbuka kepada semua mahasiswa UMS. Gunakanlah sebaik mungkin secara bijaksana dan bersopan seperti kemudahan yang terdapat di rumah kita sendiri.

Kemudahan yang saudara dan saudari saksikan ini merupakan ruang latihan bagi pelajar 'senior' yang telah berjaya mengharumkan nama UMS dalam pelbagai lapangan sukan. Pencapaian UMS dalam bidang sukan amat cemerlang sama ada melalui acara individu mahupun berpasukan, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Atlit UMS pernah mengibarkan bendera Malaysia dalam Kejohanan Antara Universiti Malaysia-Thailand, Kejohanan Sukan Universiti ASEAN dan Kejohanan Sukan Universiti Dunia.

Oleh itu, adalah menjadi harapan UMS agar warga baharu kita ini terus mengharumkan nama universiti melalui kemudahan sukan yang sedia ada.

Saudara dan saudari.

Akhir kata, adalah menjadi harapan pihak UMS agar kehadiran saudara dan saudari sekalian pada malam ini akan berkesinambungan dalam memastikan aktiviti bersukan di dalam kampus diteruskan selaras dengan usaha negara untuk melahirkan 'The Thinking Athlete' di kalangan mahasiswa universiti. Budaya bersukan ini juga penting bagi keperluan saudara dan saudari bagi menyediakan tubuh badan dan minda yang cerdas untuk memperolehi pencapaian yang cemerlang kelak dan perkara ini selari dengan hasrat UMS dalam sukan iaitu 'Hidup Cergas Warga Kampus Ceria'.

Sekian, Assalamualaikum w.b.t.